



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGGABUNGJALINAN KECINDAN SEBAGAI PERANGSANG AFEKTIF DAN KOGNITIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KOMPONEN SASTERA BAHASA MELAYU



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

SII KIONG MING

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

**PENGGABUNGJALINAN KECINDAN SEBAGAI PERANGSANG AFEKTIF DAN
KOGNITIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
KOMPONEN SASTERA
BAHASA MELAYU**

SII KIONG MING



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
 Kertas Projek
 Sarjana Penyelidikan
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
 Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan)(bulan) 2022...

i. Perakuan pelajar :

Saya, SII KIONG MING, P20181001182, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGGABUNGJALINAN KECINDAN SEBAGAI PERANGSANG AFEKTIF DAN KOGNITIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KOMPONEN SASTERA BAHASA MELAYU

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sekerasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. MOHD RAZIMI BIN HUSIN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGGABUNGJALINAN KECINDAN SEBAGAI PERANGSANG AFEKTIF DAN KOGNITIF DALAM PENGAJARAN DAN KOMPONEN SASTERA BAHASA MELAYU

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah DOKTOR FALSAFAH (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

DR. MOHD RAZIMI BIN HUSIN
Penyenaroh Kanan
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak

11 FEBRUARI 2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM****Tajuk / Title:****PENGGABUNGJALINAN KECINDAN SEBAGAI PERANGSANG****AFEKTIF DAN KOGNITIF DALAM PENGAJARAN DAN****PEMBELAJARAN KOMPONEN SASTERA BAHASA MELAYU****No. Matrik /Matric's No.:****P20181001182****Saya / I :****SII KIONG MING**

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajaran Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

DR. MOHD RAZIMI BIN HUSIN
Penyayang Kanan
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 11 FEBRUARI 2022

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkaitan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana dengan kurnia-Nya, saya dapat menyiapkan tesis doktor falsafah ini dengan jayanya. Dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian, saya telah menerima bantuan dan amat terhutang budi kepada pihak-pihak yang terlibat, terutamanya mantan pengetua sekolah saya, iaitu Encik Sim Thiam Huat.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada Dr. Mohd Razimi bin Husin selaku penyelia utama dan Profesor Madya Dr. Suppiah Nachiappan selaku penyelia bersama atas tunjuk ajar dan bimbingan yang berterusan sepanjang kajian ini dijalankan. Terima kasih juga kepada Profesor Dr. Samsilah Roslan, Profesor Dr. Hj. Mohd Dahlan bin Hj. A. Malek, dan Profesor Madya Dr. Azlina binti Abu Bakar @ Mohd selaku panel penilai dalam sesi Viva yang banyak memberi cadangan penambahbaikan tesis ini. Terima kasih atas keterbukaan memberi dan menerima pandangan serta cadangan kepada saya sepanjang tempoh penyiapan kajian ini.

Sekalung penghargaan juga saya tujukan kepada Profesor Madya Dr. Shahabuddin bin Hashim dari Universiti Sains Malaysia, Dr. Norul Haida binti Reduzan dari Universiti Pendidikan Sultan Idris, Dr. Hamidah binti Mahmud dari Pejabat Pendidikan Daerah Bintulu, Sarawak dan Dr. Rabayah Tahir dari Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik di atas kesudian mencerahkan idea, pandangan dan nasihat yang bernes dalam menyelesaikan isu-isu yang saya hadapi semasa menjalankan kajian ini. Keikhlasan kalian dalam membimbing saya hanya Tuhan yang mampu membalaunya.

Seterusnya, jutaan terima kasih kepada ayah dan bonda saya yang tersayang, iaitu Sii How Ping dan Tie Siik Hua serta semua ahli keluarga yang dikasihi, yakni Sii Lee Cheng, Max Hii Ung Haw, Annie Sii Leh King dan Goldon Sii Kiong Soon yang sentiasa mendoakan kejayaan saya dengan memberi sokongan dan kasih sayang yang tidak terhingga kepada saya. Tanpa doa dan sokongan daripada mereka, mustahil saya mampu menyiapkan tesis ini.

Penghargaan yang ikhlas juga saya ucapkan kepada empat orang sahabat karib saya, iaitu Yiau Dee Choo, Wong Hie Ming, Sylvester Lau Yueh Wei dan Toon Jong Hua Choo. Terima kasih diucapkan atas perkongsian pandangan, dorongan dan motivasi yang diberikan kepada saya.

Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kebolehan guru untuk mengaplikasikan unsur kecindan secara bersahaja, mengenal pasti strategi pengajaran, media pengajaran dan jenis-jenis gaya pengajaran guru yang digabung jalin dengan unsur kecindan untuk merangsang afektif dan kognitif murid. Selain itu, kajian ini turut mengenal pasti jenis-jenis unsur kecindan sebagai perangsang afektif dan kognitif murid dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu. Kajian kualitatif yang melibatkan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen digunakan dalam kajian ini. Pemilihan sampel bertujuan melibatkan 15 guru bahasa Melayu menengah atas dan 10 orang murid tingkatan empat di dua buah sekolah menengah. Tiga kaedah pengumpulan data digunakan, iaitu protokol temu bual, borang pengekodan dokumen dan nota kajian lapangan. Selain teori-teori kecindan (Teori Inkongruitui, Teori Kelegaan dan Teori Superioriti), Teori Pembelajaran Berasaskan Minda yang menghubungkan badan, minda dan perasaan digunakan untuk mengisi kelompongan dalam kajian-kajian lepas. Dapatkan kajian kualitatif menunjukkan bahawa bukan semua guru berkebolehan mengaplikasikan unsur kecindan secara spontan dalam pengajaran. Strategi pengajaran kecindan pula adalah bervariasi dengan mengambil kira kaitan kecindan dengan kognitif, perasaan dan emosi. Media pengajaran kecindan meliputi media pengajaran kecindan secara pandang dengar, teks dan orang manakala gaya pengajaran kecindan guru ialah gaya pengajaran kecindan secara visual, auditori dan kinestetik. Dapatkan kajian juga mendapat terdapat unsur-unsur kecindan sebagai perangsang afektif dan kognitif murid dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu. Kesimpulannya, kajian ini memberi perspektif baharu untuk dikaitkan pembelajaran berdasarkan minda dengan pembelajaran yang terkandung unsur kecindan sebagai rujukan peningkatan profesionalisme dalam kalangan guru. Kajian ini bukan sahaja memberi implikasi dari segi sumbangan kerangka strategi pengajaran kecindan, malahan juga memberi implikasi kepada sistem pendidikan dan bidang ilmu dalam kurikulum serta memberi implikasi kepada Teori Pembelajaran Berasaskan Minda dalam pengajaran guru.





COMBINATION OF HUMOR AS AN AFFECTIVE AND COGNITIVE STIMULUS IN THE TEACHING AND LEARNING OF MALAY LANGUAGE LITERATURE COMPONENTS

ABSTRACT

This study aims to identify the ability of teachers to apply humor spontaneously, identify teaching strategies, teaching media and types of teaching styles combined with elements of humor to stimulate students' affective and cognitive. This study also identifies the types of humor elements as affective and cognitive stimulus. Interview, observation and document analysis methods were used in this qualitative study. The selection of the sample aims to involve 15 upper secondary Malay language teachers and 10 form four students in two secondary schools. Three data collection methods are interview protocol, document coding form and field study notes. In addition to humor theories (Incongruity Theory, Relief Theory and Superiority Theory), Mind Based Learning Theory that connects body, mind and feelings were used to fill in the gaps in past studies. The qualitative study results showed that not all teachers were able to apply the element of humor spontaneously in teaching. Humor teaching strategies are varied as the relationship between humor and cognitive, feelings and emotional are taken into consideration. Humor teaching media includes audio visual, text and person humor while teachers' humor teaching style are visual, auditory and kinesthetic. The findings also showed that there were elements of humor as affective and cognitive stimulus. In conclusion, this study provided a new perspective to connect mind-based learning with learning that contains elements of humor as a reference for the improvement of professionalism among teachers. This study not only contributed implications in terms of the contribution of humor teaching strategy framework, but also gave implications to the education system and the field of knowledge in the curriculum as well as gave implications to the Mind Based Learning Theory in teacher's teaching.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xxii
SENARAI SINGKATAN	xxiv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Soalan Kajian	12
1.6 Kerangka Kajian	13
1.6.1 Kerangka Teori Kajian	13
1.6.2 Kerangka Konseptual Kajian	17





1.7	Definisi Operasional	19
1.7.1	Unsur Kecindan	19
1.7.2	Perangsang Afektif Murid	20
1.7.3	Perangsang Kognitif Murid	22
1.7.4	Pengajaran dan Pembelajaran	22
1.7.5	Komponen Sastera Bahasa Melayu	24
1.7.6	Strategi Pengajaran	26
1.7.7	Media Pengajaran	27
1.7.8	Gaya Pengajaran	28
1.7.9	Kesenjangan	28
1.7.10	Kata Pikat	29
1.7.11	Konotatif	30



1.7.12	Denotatif	31
1.7.13	Personifikasi	31
1.7.14	Pengaktifan	32
1.8	Kepentingan Kajian	33
1.9	Batasan Kajian	39
1.10	Rumusan	41

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	42
2.2	Kecindan	42
2.2.1	Ciri-ciri Kecindan dalam Pengajaran dan Pembelajaran	44
2.2.2	Jenis-jenis Kecindan dalam Pengajaran dan Pembelajaran	46





2.2.3 Afektif Murid dalam Pengajaran dan Pembelajaran	48
2.2.4 Kognitif Murid dalam Pengajaran dan Pembelajaran	49
2.3 Teori-teori Kecindan	50
2.3.1 Teori Inkongruiti Kant dan Schopenhauer (1819)	51
2.3.2 Teori Kelegaan Spencer dan Freud (1928)	52
2.3.3 Teori Superioriti Hobbes (1651)	55
2.4 Teori Pembelajaran Berasaskan Minda Caine dan Caine (1991)	56
2.5 Kajian-kajian Lepas	62
2.6 Rumusan	79

BAB 3 METODOLOGI



3.1 Pengenalan	81
3.2 Reka Bentuk Kajian	82
3.2.1 Kaedah Temu Bual	85
3.2.2 Kaedah Pemerhatian	88
3.2.3 Kaedah Analisis Dokumen	90
3.3 Lokasi Kajian	92
3.4 Sampel Kajian	93
3.5 Kaedah Pengumpulan Data Kajian	96
3.5.1 Protokol Temu Bual	96
3.5.2 Borang Pengekodan Dokumen	99
3.5.3 Nota Kajian Lapangan	99
3.6 Prosedur Pelaksanaan Kajian	100
3.6.1 Penentuan Alat Pengumpulan Data	100





3.6.2 Penentuan Kesahan Kaedah Pengumpulan Data Kajian	100
3.6.2.1 Kesahan Kandungan	101
3.6.2.2 Kaedah Triangulasi	103
3.6.2.3 Kesahan Semakan Peserta kajian	105
3.6.2.4 Kesahan Teknik <i>Morale Ballo</i> dan Teknik <i>Independent Rating</i>	106
3.6.3 Penentuan Kebolehpercayaan Kaedah Pengumpulan Data Kajian	108
3.6.3.1 Pengulangan Temu Bual	108
3.6.3.2 Pemerhatian Terus	109
3.6.3.3 Analisis Indeks <i>Cohen Kappa</i>	110
3.6.4 Kajian Rintis	113
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	117
3.8 Prosedur Penganalisisan Data Kualitatif	122
3.9 Pengkaji Sebagai Peserta Utama	133
3.10 Rumusan	135

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	136
4.2 Profil Peserta Kajian	137
4.3 Dapatan Kajian	140
4.3.1 Kebolehan Guru Mengaplikasikan Unsur Kecindan Secara Bersahaja dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu	140
4.3.1.1 Kebolehan Berkecindan Secara Spontan	141





4.3.2 Strategi-strategi Pengajaran Guru yang digabungjalinkan dengan Unsur Kecindan untuk Meningkatkan Afektif dan Kognitif Murid dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu	151
4.3.2.1 Strategi Pengaktifan Iklim Emosi	152
4.3.2.2 Strategi Gabung Jalin Bahan Bantu Mengajar yang Berunsur Jenaka	160
4.3.2.3 Strategi Pemilihan Kerelevanan Kecindan	171
4.3.3 Media-media Pengajaran Guru yang digabungjalinkan dengan Unsur Kecindan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu	180
4.3.3.1 Media Teks	181
4.3.3.2 Media Pandang Dengar	200
4.3.3.3 Media Orang	213
4.3.4 Jenis-jenis Gaya Pengajaran Guru yang digabungjalinkan dengan Unsur Kecindan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu	223
4.3.4.1 Gaya Auditori	224
4.3.4.2 Gaya Visual	231
4.3.4.3 Gaya Kinestetik	235
4.3.5 Jenis-jenis Unsur Kecindan Sebagai Perangsang Afektif dan Kognitif Murid dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu	238
4.3.5.1 Unsur Konotatif Dialek Lucu	239
4.3.5.2 Unsur Kejutan Lucu	247
4.3.5.3 Unsur Kata Pikit	252
4.3.5.4 Unsur Superioriti	262
4.4 Rumusan	268



**BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1 Pengenalan	270
5.2 Ringkasan Kajian	271
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	272
5.3.1 Unsur Kecindan Sebagai Perangsang Afektif dan Kognitif	273
5.3.2 Elemen Emosi dalam Pembelajaran Kecindan	276
5.3.3 Kebolehan Guru Mengaplikasikan Unsur Kecindan Secara Bersahaja Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu	277
5.3.4 Strategi Pengajaran Guru yang digabung jalin dengan Unsur Kecindan untuk Meningkatkan Afektif dan Kognitif Murid dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu	283
5.3.5 Media Pengajaran Guru yang digabung jalin dengan Unsur Kecindan untuk Meningkatkan Afektif dan Kognitif Murid dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu	287
5.3.6 Jenis-jenis Gaya Pengajaran Guru yang digabung jalin dengan Unsur Kecindan untuk Meningkatkan Afektif dan Kognitif Murid dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu	294
5.3.7 Jenis-jenis Unsur Kecindan Sebagai Perangsang Afektif dan Kognitif Murid dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu	299
5.4 Implikasi Kajian	
5.4.1 Implikasi Kajian dari Segi Sumbangan Kajian	305
5.4.2 Implikasi Kajian kepada Sistem Pendidikan	315
5.4.3 Implikasi Kajian kepada Bidang Ilmu dalam Kurikulum	316





5.4.4	Implikasi Kajian kepada Teori Pembelajaran Berasaskan Minda dalam Pengajaran Guru	320
5.5	Cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Institusi Pendidikan Guru, dan Pihak Sekolah	322
5.6	Cadangan Kajian Akan Datang	324
5.7	Rumusan	326
RUJUKAN		327
LAMPIRAN		335





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Karya Komponen Sastera Bahasa Melayu di Zon 4, Sarawak	25
2.1 Kriteria-kriteria Afektif Murid dalam Pengajaran dan Pembelajaran	48
2.2 Gaya Berfikir	57
2.3 Elemen-elemen Pembelajaran Berasaskan Minda	59
2.4 Tujuh Fasa Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Minda	60
3.1 Pakar-pakar Rujuk Penilai Kesahan Kaedah Pengumpulan Data	102
3.2 Teknik Kesahan <i>Marole Ballot</i> dalam Kajian Rintis 2	106
3.3 Teknik Kesahan <i>Independent Rating</i> dalam Kajian Rintis 2	107
3.4 Interpretasi Nilai Pekali <i>Cohen Kappa</i>	111
3.5 Min Persetujuan Nilai Pekali <i>Cohen Kappa</i>	112
3.6 Jadual Lawatan Kajian	120
3.7 Metrik Pengesahan Temu Bual	124
3.8 Analisis Data Temu Bual Menggunakan <i>Jefferson System</i>	126
3.9 Pengorganisasian dan Pengekodan Data Temu Bual	126
3.10 Pengorganisasian dan Pengekodan Data Pemerhatian	129
3.11 Pengorganisasian dan Pengekodan Data Dokumen	129





4.1	Profil Peserta Kajian Guru Bahasa Melayu	138
4.2	Profil Peserta Kajian Murid	139
4.3	Kewujudan Tema dan Subtema Kebolehan Guru untuk Mengaplikasikan Unsur Kecindan Secara Bersahaja dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu	141
4.4	Teks Transkrip Temu Bual PK 2 dan PK 7	142
4.5	Teks Transkrip Pemerhatian PK 11	144
4.6	Teks Transkrip Analisis Dokumen Peserta Kajian 11 [Antologi Teks Komponen Sastera Bahasa Melayu (Cerpen: Kaduk, Ayam dan Raja)]	145
4.7	Teks Transkrip Temu Bual PK 8	146
4.8	Teks Transkrip Pemerhatian PK 8	147
4.9	Teks Transkrip Temu Bual PK 14	149
4.10	Teks Transkrip Pemerhatian PK 14	149
4.11	Kewujudan Tema, Subtema dan Sub-sub Tema Strategi Pengajaran Guru yang digabungjalinkan dengan Unsur Kecindan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu	151
4.12	Teks Transkrip Temu Bual PK 1, PK 2, PK 3, PK 4, PK 7, PK 8 dan PK 15	153
4.13	Teks Transkrip Temu Bual PK 5, PK 6, dan PK 14	156
4.14	Teks Transkrip Temu Bual PK 9	158
4.15	Teks Transkrip Analisis Dokumen [Antologi Teks Komponen Sastera Bahasa Melayu (Cerpen: Jaket Kulit Kijang dari Istanbul)]	159
4.16	Teks Transkrip Temu Bual PK 1 dan PK 3	161
4.17	Teks Transkrip Analisis Dokumen PK 1 (Kartun)	161
4.18	Teks Transkrip Temu Bual PK 12	163
4.19	Teks Transkrip Analisis Dokumen PK 12 (Komik)	163





4.20	Teks Transkrip Temu Bual PK 2	164
4.21	Teks Transkrip Analisis Dokumen PK 2 (Karikatur)	166
4.22	Teks Transkrip Temu Bual PK 5	167
4.23	Teks Transkrip PK 5: Pemerhatian Penggunaan Teka Teki Lucu	168
4.24	Teks Transkrip Temu Bual PK 6	169
4.25	Teks Transkrip Temu Bual PK 2, PK 8 dan PK 9	172
4.26	Teks Transkrip Pemerhatian PK 2 (Kecindan Berkaitan PdP)	173
4.27	Teks Transkrip Temu Bual PK 5	174
4.28	Teks Transkrip Temu Bual PK 1, PK 3, PK 4, PK 12, PK 13 dan PK 15	175
4.29	Teks Transkrip Pemerhatian PK 1 (Kecindan Etnik)	176
4.30	Teks Transkrip Temu Bual PK 6, PK 7, PK 11 dan PK 14	177
4.31	Teks Transkrip Temu Bual PK 1, PK10, dan PK 15	178
4.32	Kewujudan Tema, Subtema dan Sub-sub Tema Media Pengajaran Guru yang digabungjalinkan dengan Unsur Kecindan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu	180
4.33	Teks Transkrip Temu Bual PK 6 dan PK 10	182
4.34	Teks Transkrip Analisis Dokumen: Teks Majalah Gila-gila	182
4.35	Teks Transkrip Temu Bual PK 2, PK 6, dan PK 7	184
4.36	Teks Transkrip Temu Bual PK 1, PK 2, PK 5 dan PK 14	186
4.37	Teks Transkrip Temu Bual PK 3, PK 4 dan PK 15	187
4.38	Teks Transkrip Temu Bual PK 8, PK 10 dan PK 13	188
4.39	Teks Transkrip Temu Bual PK 12	190





4.40	Teks Transkrip Temu Bual PK 3	190
4.41	Teks Transkrip Temu Bual PK 5, PK 7, PK 12 dan PK 13	191
4.42	Teks Transkrip Temu Bual PK 8 dan PK 9	192
4.43	Teks Transkrip Temu Bual PK 11 dan PK 14 dan PK 15	193
4.44	Teks Transkrip Temu Bual PK 5, PK 7 dan PK 15	194
4.45	Teks Transkrip Analisis Dokumen: Teks Cerita Jenaka Pak Kaduk	194
4.46	Teks Transkrip Temu Bual PK 2 dan PK 8	195
4.47	Teks Transkrip Analisis Dokumen: Teks Cerita Jenaka Pak Pandir	196
4.48	Teks Transkrip Temu Bual PK 3 dan PK 10	196
4.49	Teks Transkrip Analisis Dokumen PK 3 (Sinopsis Cerita Jenaka Mat Jenin)	197
4.50	Teks Transkrip Temu Bual PK 1 dan PK 3	198
4.51	Teks Transkrip Temu Bual PK 11	199
4.52	Teks Transkrip Temu Bual PK 6	199
4.53	Teks Transkrip Temu Bual PK 7	201
4.54	Teks Transkrip Analisis Dokumen PK 7 (Rakaman Tular “Dah Mati pun Buat Lawak”)	202
4.55	Teks Transkrip Temu Bual PK 2, PK 5, PK 10 dan PK 12	203
4.56	Teks Transkrip Temu Bual PK 1	205
4.57	Teks Transkrip Temu Bual PK 3, PK 4, PK 6, PK 11, PK 13 dan PK 15	205
4.58	Teks Transkrip Analisis Dokumen PK 13 (Klip Video Pak Kaduk)	206
4.59	Teks Transkrip Temu Bual PK 9	207





4.60	Teks Transkrip Analisis Dokumen PK 9 (Iklan Lucu: Memartabatkan Bahasa Kebangsaan)	208
4.61	Teks Transkrip Pemerhatian PK 4 (Penggunaan Filem Jenaka)	209
4.62	Teks Transkrip Analisis Dokumen PK 4 (Filem “Masam-masam Manis”)	211
4.63	Teks Transkrip Temu Bual PK 6, PK 7, PK 11, PK 14 dan PK 15	214
4.64	Teks Transkrip Pemerhatian PK 10 (Guru Sebagai Media Orang)	215
4.65	Teks Transkrip Temu Bual PK 3, PK 4, PK 5, PK 6 dan PK 12	217
4.66	Teks Transkrip Temu Bual PK 16 dan PK 17	218
4.67	Teks Transkrip Pemerhatian PK 16 dan PK 17	218
4.68	Teks Transkrip Temu Bual PK 21, PK 22, PK 23, PK 24 dan PK 25	219
4.69	Teks Transkrip Pemerhatian PK 21, PK 23, PK 24 dan PK 25	221
4.70	Kewujudan Tema dan Subtema Jenis-jenis Gaya Pengajaran Guru yang digabunggalinkan dengan Unsur Kecindan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu	223
4.71	Teks Transkrip Temu Bual PK 11	225
4.72	Teks Transkrip Temu Bual PK 10, PK 13 dan PK 15	225
4.73	Teks Transkrip Pemerhatian Komen Verbal Lucu PK 10	226
4.74	Teks Transkrip Temu Bual PK 14	227
4.75	Teks Transkrip Pemerhatian PK 14 (Penggunaan Lagu Jenaka ‘Bangau oh Bangau’)	228
4.76	Teks Transkrip Pemerhatian Tiruan Bunyi Lucu PK 1	229
4.77	Teks Transkrip Temu Bual PK 5 dan PK 7	232





4.78	Teks Transkrip Temu Bual PK 2, PK 4, PK 6 dan 15	233
4.79	Teks Transkrip Temu Bual PK 1, PK 2 dan PK 11	234
4.80	Teks Transkrip Temu Bual PK 1, PK 7 dan PK 12	236
4.81	Teks Transkrip Pemerhatian PK 12	237
4.82	Kewujudan Tema dan Subtema Jenis-jenis Unsur Kecindan Sebagai Perangsang Afektif dan Kognitif Murid dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu	238
4.83	Teks Transkrip Temu Bual PK 21	240
4.84	Teks Transkrip Pemerhatian PK 21, PK 22, PK 23, PK 24 dan PK 25	240
4.85	Komponen Fitur Distingtif Kata ‘Pak Usin’ Dialek Melayu Brunei	241
4.86	Teks Transkrip Temu Bual PK 2, PK 3, PK 6, PK 7 dan PK 8	242
4.87	Perbezaan Makna antara Dialek Bahasa Melayu Sarawak dengan Bahasa Melayu Standard	242
4.88	Teks Transkrip Pemerhatian 11 (Dialek Lucu bagi Perkataan ‘Itit’)	244
4.89	Teks Transkrip Pemerhatian 11 (Dialek Lucu bagi Perkataan “Manok”)	245
4.90	Teks Transkrip Temu Bual PK 19	246
4.91	Teks Transkrip Temu Bual PK 7 dan PK 14	248
4.92	Teks Transkrip Pemerhatian PK 1: Unsur Saspens Lucu	250
4.93	Teks Transkrip Analisis Dokumen Jurnal Murid	251
4.94	Teks Transkrip Temu Bual PK 2, PK 6 dan PK 8 dan PK 9	253
4.95	Teks Transkrip Temu Bual PK 3 dan PK 12	254
4.96	Teks Transkrip Temu Bual PK 1, PK 4, PK 5, PK 7 dan PK 13	255





4.97	Teks Transkrip Temu Bual PK 10	256
4.98	Teks Transkrip Temu Bual PK 11	257
4.99	Teks Transkrip Temu Bual PK 14 dan PK 15	258
4.100	Teks Transkrip Temu Bual PK 4, PK 11, PK 12 dan PK 14	259
4.101	Teks Transkrip Pemerhatian PK 1, PK 2, PK 5, PK 7, PK 8, PK 10 dan PK 14	261
4.102	Teks Transkrip Temu Bual PK 4, PK 9 dan PK 10	263
4.103	Teks Transkrip Analisis Dokumen: Sindiran Halus Melalui Cerita Jenaka Mat Jenin	264
4.104	Teks Transkrip Pemerhatian PK 1 (Sindiran Lucu)	265
4.105	Transkripsi Fonetik PK 1 dalam Sajak (Stanza 2: Baris 1)	265
4.106	Teks Transkrip Temu Bual PK 19, PK 22 dan PK 24	267





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
-----------	------------

1.1	Kerangka Teori Kajian	15
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	18
1.3	Elemen-elemen dalam Media Pengajaran Kecindan	27
2.1	Teori-teori Kecindan	50
3.1	Reka Bentuk Pengumpulan Data Triangulasi	83
3.2	Carta Alir Kerangka Operasi Kajian	84
3.3	Langkah-langkah Pelaksanaan Kajian Rintis	116
3.4	Prosedur Penganalisisan Data Temu Bual	122
3.5	Prosedur Memahami Data Temu Bual	130
4.1	Tema dan Subtema Kebolehan Guru Berkecindan Secara Spontan	141
4.2	Tema, Subtema, dan Sub-subtema Strategi Pengaktifan Iklim Emosi	152
4.3	Tema dan Subtema Strategi Gabung Jalin Bahan Bantu Mengajar yang Berunsur Jenaka	160
4.4	Transkripsi Dendangan Gurindam dalam Bentuk Teka Teki oleh PK 5	168
4.5	Tema, Subtema, dan Sub-subtema Strategi Pemilihan Jenis-jenis Kecindan	171
4.6	Tema, Subtema, dan Sub-subtema Media Teks	181
4.7	Tema, Subtema, dan Sub-subtema Media Pandang Dengar	200





4.8	Tema dan Subtema Media Orang	213
4.9	Tema dan Subtema Gaya Auditori	224
4.10	Tema dan Subtema Gaya Visual	231
4.11	Tema dan Subtema Gaya Kinestetik	235
4.12	Tema dan Subtema Unsur Konotatif Dialek Lucu	239
4.13	Tema dan Subtema Unsur Kejutan Lucu	248
4.14	Tema dan Subtema Unsur Kata Pikit	252
4.15	Jeda Kata Pikit	254
4.16	Tempo Kata Pikit	256
4.17	Tema dan Subtema Unsur Superioriti	262
5.1	Kerangka Strategi Pengajaran Kecindan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu	307





SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
BM	Bahasa Melayu
BTU	Bintulu
CEKAPS	<i>Centre for Enhancement of Knowledge and Professional Studies</i>
EPRD	<i>Educational Planning and Research Division</i>
GPMP	Gred Purata Mata Pelajaran
HPA	Hipotalamus, Pituitary and Adrenal (HPA)
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KOMSAS	Komponen Sastera
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LDP	Latihan Dalam Perkhidmatan
MBM	Strategi Memartabatkan Bahasa Melayu
PAK-21	Pembelajaran Abad ke-21
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran





PK	Peserta Kajian
PKG	Pusat Kegiatan Guru
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PLC	Komuniti Pembelajaran Profesional
PLKN	Program Latihan Khidmat Negara
RTF	<i>Rich Text Format</i>
SKPM	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
SKPMg2	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TS25	Transformasi Sekolah 2025 (TS25)
UPP	Unit Penilaian dan Peperiksaan
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris





SENARAI LAMPIRAN

- A Protokol Temu Bual Guru
- B Protokol Temu Bual Murid
- C Contoh Borang Pengekodan Data Dokumen
- D1 Contoh Borang Nota Kajian Lapangan (Guru)
- D2 Contoh Borang Nota Kajian Lapangan (Murid)
- E Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Daripada EPRD, KPM
- F Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Daripada JPN Kuching, Sarawak
- G Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Daripada PPD, Bintulu
- H Surat Pengesahan Pelajar Untuk Menjalankan Kajian Daripada (CEKAPS, UPSI)
- I Surat Pelantikan Sebagai Penilai Pakar Kesahan Kaedah Pengumpulan Data Kajian
- J Contoh Borang Pengesahan Semakan dan Pengakuan Transkripsi Temu Bual Peserta Kajian
- K Contoh Borang Nilai Pekali Persetujuan *Cohen Kappa*
- L Borang Transkripsi Temu Bual
- M Contoh Gambar Kecindan
- N Contoh Komik Kecindan
- O Contoh Teks Majalah Humor





BAB 1

PENDAHULUAN



Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan memerlukan strategi yang tepat pemilihannya dan disusun secara teratur berdasarkan objektif pembelajaran yang telah ditentukan. Dalam pengisian Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pengajaran dan pembelajaran di sekolah dituntut memenuhi aspek penggabungjalinan selain aspek penilaian, penyerapan, pengayaan dan pemulihan. Dalam hal ini, unsur kecindan yang menarik mampu menimbulkan tindak balas afektif dan kognitif murid sekali gus dapat menstimulasi minda murid untuk berkembang (Ridwan Abdullah Sani, 2019). Menyedari kepentingan ini, kajian ini perlu dijalankan untuk memperlihatkan penggabungjalinan unsur kecindan sebagai perangsang afektif dan kognitif murid untuk membolehkan seseorang guru meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajarannya dalam Komponen Sastera bahasa Melayu.





1.2 Latar Belakang Kajian

Pada abad ke-21 ini, trend penyelidikan dalam pendidikan menerusi integrasi ilmu daripada bidang psikologi dan bidang pendidikan telah mengubah landskap penyelidikan dalam pendidikan. Kombinasi pengetahuan ini telah memberikan inspirasi kepada bidang psikologi pendidikan untuk menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Pendekatan ini juga merupakan salah satu usaha untuk menangani isu pembelajaran murid terutamanya isu afektif murid di dalam bilik darjah melalui pengajaran kecindan. Hal ini demikian kerana pengajaran dan pembelajaran yang menarik akan merangsang biologikal kefungsian otak dan pembelajaran afektif murid dalam proses pembelajaran (Immordino, 2016).

Pengajaran dan pembelajaran yang menarik juga akan merangsang kegembiraan dalam

kalangan murid. Hal ini mampu memberikan kesan kepada afektif murid untuk berasa gembira dan bermotivasi untuk belajar. Oleh itu, unsur kecindan sebagai perangsang afektif dan kognitif kepada murid untuk belajar dengan seronok perlu diberi perhatian demi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang ceria dan interaktif.

Kecindan merupakan elemen penting yang sangat efektif untuk menarik minat murid untuk menerima sesuatu maklumat yang disampaikan oleh guru di dalam bilik darjah. Murid juga akan terhibur kerana unsur kata pikat mampu membawa unsur kesenjangan itu dapat menyebabkannya tertawa disebabkan kelucuan. Dalam konteks pendidikan, penggunaan kecindan di dalam bilik darjah bukan sahaja memberi kesan yang positif kepada pembelajaran murid, malahan meningkatkan motivasi dan keyakinan antara murid dengan guru dalam proses komunikasi (Gilliam, 2019; Luria, Baer & Kaufman, 2019).





Pengajaran bahasa melibatkan penguasaan terhadap sesuatu kandungan mata pelajaran dan pedagogi bahasa. Penggunaan strategi pengajaran kecindan yang munasabah dalam pengajaran membolehkan seseorang guru dapat merangsang suasana pembelajaran yang ceria, mengurangkan tekanan dan kerunsingan murid di dalam bilik darjah. Menurut Jihene, Rejeb, dan Malefan (2020), kecindan berperanan meningkatkan iklim bilik darjah dan meningkatkan proses pembelajaran murid. Oleh sebab itu, unsur jenaka yang dirancang dengan betul dan mengikut masa yang sesuai dapat merangsang minda dan perasaan pelajar untuk meneruskan pembelajaran.

Sehubungan dengan itu, pengaplikasian elemen unsur kecindan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran kontemporari merupakan suatu entiti yang penting untuk mempengaruhi minat murid terhadap sesuatu mata pelajaran yang terbukti dapat



menjadi agen kepada perubahan suasana, iaitu perubahan suasana daripada yang suram kepada suasana yang lebih interaktif (Cyrene Riman Junis & Minah Sintian, 2019).

Berdasarkan hakikat ini, elemen unsur kecindan ini berupaya memperbaik dan meningkatkan tahap keyakinan murid untuk berasa selesa di dalam bilik darjah sekali gus merangsang pembelajaran murid. Oleh sebab itu, Kementerian Pendidikan Malaysia amatlah memberi penekanan terhadap unsur kecindan melalui konsep pembelajaran yang menyeronokkan.

Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi dasar Pelan Pembangunan Pendidikan Negara 2013-2025 menekankan aspirasi murid menerusi pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan kualiti keberhasilan murid. Kini, persekitaran pembelajaran yang sihat dan menyeronokkan telah diberikan perhatian oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Konsep Program Transformasi Sekolah



2025 (TS25) yang menjurus ke arah melahirkan modul insan unggul. Oleh sebab itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan konsep pembelajaran yang menyeronokkan dengan menyelitkan unsur kecindan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berkesan. Tambahan pula, unsur kecindan sememangnya telah menjadi salah satu elemen yang penting untuk menentukan keberkesanan pengajaran seseorang guru.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mencadangkan penyerapan pendekatan didik hibur yang terkandung elemen unsur kecindan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011. Tujuannya adalah untuk merealisasikan hasrat transformasi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah. Proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah diharapkan akan menjadi lebih interaktif dan berpusatkan murid dengan terlaksananya pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang terselit elemen unsur kecindan. Oleh sebab itu, strategi pengajaran dan gaya pengajaran seseorang guru yang menyelitkan unsur kecindan akan menjadikan pengajaran dan pembelajarannya lebih mudah dihayati dan difahami oleh murid.

Unsur kecindan merupakan suatu elemen dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan murid-murid kerana terkandung unsur kelakar yang membolehkan proses pengaktifan pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara santai dan berhibur. Dalam hal ini, seseorang guru perlu menyisipkan unsur kecindan dalam pengajaran dan pembelajarannya agar aspek kajian dalam Komponen Sastera bahasa Melayu yang mengandungi makna denotatif dan konotatif serta gaya bahasa seperti personifikasi dapat disampaikan dengan baik dan berkesan. Perkara ini



membolehkan sesi pembelajaran yang santai dan terhibur serta penuh dengan pelbagai aktiviti menarik yang terkandung unsur kecindan mampu merangsang sekali gus menarik pelibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran seseorang guru.

Dalam transformasi pendidikan negara melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), pendekatan didik hibur yang terkandung elemen unsur kecindan masih diteruskan (Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah, 2016). Perkara ini telah disarankan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah sebagai salah satu strategi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah kerana elemen unsur kecindan ini amatlah menyeronokkan kerana terkandung aspek humor, iaitu unsur kecindan. Jelaslah bahawa apabila unsur kecindan sebagai perangsang afektif murid dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu diterapkan, nescaya dasar Kurikulum Standard Sekolah Rendah dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah ini akan menjadi lebih mantap dan menarik lagi dalam kalangan murid-murid di sekolah.

Kepentingan amalan pembelajaran yang menyeronokkan telah dinyatakan dalam elemen disposisi seseorang guru (Jemaah Nazir & Jaminan Kualiti, 2017). Standard ini menggariskan bahawa guru perlu mempunyai strategi untuk mewujudkan suasana yang riang untuk merangsang pembelajaran murid. Oleh hal yang demikian, suasana pembelajaran ceria yang menyeronokkan di dalam bilik darjah perlu diwujudkan oleh seseorang guru. Perwatakan guru yang cenderung kepada sikap yang autokratik boleh menimbulkan konflik antara guru dengan murid. Tidak dapat dinafikan bahawa peranan seseorang guru amatlah penting sebagai pemangkin kepada seseorang murid untuk memperoleh ilmu. Oleh sebab itu, guru perlu sedar akan





kepentingan unsur kecindan untuk merangsang afektif murid agar dapat mewujudkan pembelajaran yang menyeronokkan di samping mewujudkan hubungan yang baik dengan murid-murid mereka.

Seseorang guru yang ideal harus memiliki ciri kecindan yang baik. Kecindan tersebut mestilah berada dalam tahap yang wajar dan tidak melampaui batasnya. Kecindan akan mewujudkan proses pembelajaran yang menyenangkan. Elemen kecindan ini juga dapat membantu murid untuk belajar dengan lebih berkesan (Imroatus Solakiah, 2019). Namun demikian, penggunaan elemen unsur kecindan dalam pengajaran tidaklah bermakna bahawa menjadikan guru sebagai pelawak. Perkara penting yang perlu dititikberatkan ialah kekreatifan guru menggunakan unsur kecindan secara terancang, iaitu menggunakan media pengajaran kecindan yang relevan untuk menyelitkan unsur kecindan secara spontan apabila mereka menyedari bahawa murid kekurangan minat atau bosan dengan pengajaran mereka.

Meninjau dari sudut psikologi pendidikan, gelak ketawa yang dilahirkan oleh seseorang murid itu menunjukkan bahawa dalam dirinya ada perasaan gembira atau seronok. Hal ini menunjukkan bahawa aspek afektif murid akan terangsang kerana unsur kecindan memberikan kesan kepada kefungsian otak seperti meningkatkan fungsi *prefrontal lobe* dan *cortex* untuk memproses maklumat di samping merangsang hormon *dopamine* yang sangat penting dalam proses pembelajaran murid (Syawal Amran, Saemah Rahmandan & Shahlan Surat, 2017). Secara tidak langsung, pembelajaran menarik dapat merangsang afektif dan kognitif murid sekali gus membantu murid mudah memahami dan mengingati apa-apa yang dipelajari oleh mereka dalam keadaan yang tidak tertekan.





Rumusannya, jelaskan bahawa kecindan dalam pengajaran seseorang guru tidak boleh dianggap sebagai perkara remeh yang tidak perlu diendahkan kerana elemen unsur kecindan merupakan aset yang sangat bernilai dalam suatu pengajaran. Jadi, guru perlu merangsang amalan belajar sambil berhibur dengan menerapkan elemen unsur kecindan agar kandungan pengajaran dapat disampaikan dengan berkesan. Hal ini menunjukkan bahawa pengajaran bahasa perlulah kreatif untuk menarik minat murid. Perkara ini turut mencerminkan bahawa elemen unsur kecindan dilihat sebagai pelengkap untuk menjamin pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

1.3 Pernyataan Masalah



Kajian tentang isu afektif dalam pengajaran dan pembelajaran di luar negara telah berkembang pesat dan menjadi trend terkini khususnya dalam bidang pendidikan. Walau bagaimanapun, usaha untuk mengintegrasikan kajian afektif dalam pendidikan di dalam negara masih kurang diberi perhatian (Syawal Amran et al., 2017). Menyedari wujudnya kelompongan ini, terdapat pembaharuan dalam kajian ini yang dianggap berbeza dengan kajian-kajian lepas. Rasionalnya, kajian ini mengembangkan kajian berkenaan afektif dan kognitif murid dengan berfokuskan aspek kecindan dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, Teori Pembelajaran Berasaskan Minda Caine dan Caine (1991) dijadikan sebagai pegangan teori pembelajaran yang utama.

Teori Pembelajaran Berasaskan Minda Caine & Caine (1991) didapati jarang-jarang digunakan dalam kajian kecindan. Amalan pengajaran dan pembelajaran di





sekolah sebelum ini lebih memberi penekanan kepada penggunaan otak kiri berbanding perkembangan otak kanan (Hengki Wijaya, 2018). Atas kesedaran ini, penggunaan kedua-dua hemisfera otak secara bersepada adalah penting supaya kecerdasan kognitif murid itu menjadi seimbang. Dalam hal ini, penggunaan kecindan dalam pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan keseluruhan fungsi otak untuk mewujudkan penggabungan kedua-dua hemisfera otak perlu diberi perhatian. Hal ini menggambarkan bahawa pendidikan kini telah sedar betapa pentingnya kedua-dua hemisfera otak dijana secara bersepada untuk meningkatkan kognitif murid agar dapat menghasilkan pembelajaran yang berkesan.

Farah Shalin Amanah (2019) pula mendedahkan bahawa kecindan harus digabung jalin sebagai salah satu strategi dalam pengajaran seseorang guru. Sungguhpun demikian, strategi pengajaran guru secara konvensional yang tidak menarik dan membosankan akan menyebabkan afektif murid tidak terangsang untuk melakukan pemprosesan kognitif (Ezwafahmey Ahmad Kusaini, 2018). Meninjau daripada perspektif yang lain, McGhee (2019) telah mendedahkan bahawa kajian tentang pembelajaran menyeronokkan bukan sahaja kurang diberi perhatian, justeru penyisipan strategi berjenaka turut diabaikan.

Selain itu, Cyrene Riman Junis dan Minah Sintian (2019) turut mengatakan bahawa jika guru mengamalkan strategi pengajaran yang tidak interaktif dan hanya menggunakan pendekatan satu hala sahaja, perkara ini tidak merangsang afektif murid kerana murid tidak dapat mengungkapkan perasaan mereka di dalam bilik darjah. Pendekatan ini tidak merangsang afektif murid kerana murid tidak dapat mengekspresikan emosi mereka di dalam bilik darjah.





Dalam hal ini, pengajaran dan pembelajaran yang tidak menarik bukan sahaja tidak memberi kesan kepada afektif murid agar berasa gembira dan bermotivasi untuk belajar malah pengajaran dan pembelajaran yang tidak menarik tidak akan memberikan kesan pengeluaran rangsangan hormon *dopamine* dan *serotonin* yang merupakan hormon kegembiraan (Bieg, Grassinger, & Dresel, 2019). Tambahan pula, afektif yang tidak menyeronokkan tidak memberi rangsangan dan pemprosesan kognitif kepada murid untuk belajar (Hoicka, Butcher, Malla, & Harris, 2017).

Dalam konteks pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan teknik didik hibur yang tersisip unsur kecindan untuk merealisasikan hasrat transformasi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Kini, elemen 4.2.2 dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) telah ditambah baik dengan menekankan sumbangan guru terhadap suasana pembelajaran yang kondusif. Elemen 4.2.2 yang terkandung dalam aspek 4.2 dalam standard kualiti ini menegaskan bahawa guru perlu mengawal suasana pembelajaran secara profesional dan terancang. Salah satu tahap tindakan yang terkandung dalam aspek ini ialah guru perlu mempunyai gaya pengajaran yang mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan (Jemaah Nazir & Jaminan Kualiti, 2017).

Norul Haida Reduwan, Robe'ah Yusuf, dan Hidayah Hasim (2016) mendedahkan bahawa golongan pendidik juga menghadapi masalah dalam mencapai keberkesanan proses pengajaran kerana tidak memahami gaya pengajaran dan pembelajaran yang sesuai sepenuhnya dengan dalam pengajaran Komponen Sastera bahasa Melayu. Lebih-lebih lagi, Norul Haida Reduwan et al. (2016) berpendapat





bahawa kegagalan guru dalam mengenal pasti gaya pengajaran dan pembelajaran yang sesuai akan memberi kesan terhadap kurangnya minat murid untuk belajar.

Muhammad Haron Husaini et al. (2017) mendedahkan bahawa dalam pembelajaran abad ke-21, proses pengajaran dan pembelajaran yang tertumpu kepada media pengajaran seperti penggunaan buku teks dan penggunaan papan tulis semata-mata belum cukup dapat terjamin berlakunya proses pembelajaran yang berkesan. Hal ini dijelaskan lagi oleh Yahya Othman, Roselan Baki, dan Naffi Mat (2019) bahawa penggabungjalinan media pengajaran dengan unsur kecindan secara interaktif memainkan peranan yang signifikan bagi menimbulkan kesan kelucuan dan kejenakaan yang bermatlamat untuk memberi impak yang positif kepada afektif dan kognitif pada naluri murid pada akhir pengajaran dan pembelajaran bahasa.



Selain itu, Martin dan Ford (2018) menjelaskan bahawa setiap cabang kajian yang berlainan mempunyai faktor penyumbang unsur kecindan yang berbeza-beza. Namun demikian, sorotan daripada kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kajian yang berfokus kepada unsur kecindan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, khususnya dalam Komponen Sastera bahasa Melayu adalah masih kurang. Perkara ini menimbulkan satu kelompongan yang perlu diisi pengkaji.

Rumusannya, menyedari hakikat bahawa unsur kecindan mampu merangsang afektif dan kognitif murid untuk mewujudkan suasana jenaka yang tidak diduga, kajian ini perlu dijalankan supaya kita membuat pengetahuan dan persediaan awal yang boleh digunakan sebagai panduan pelaksanaan unsur kecindan dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu.



1.4 Objektif Kajian

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

- (i) Mengenal pasti kebolehan guru untuk mengaplikasikan unsur kecindan secara bersahaja dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu.
- (ii) Mengenal pasti strategi-strategi pengajaran guru yang digabungjalinkan dengan unsur kecindan untuk merangsang afektif dan kognitif murid dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu.
- (iii) Mengenal pasti media-media pengajaran guru yang digabungjalinkan dengan unsur kecindan untuk merangsang afektif dan kognitif murid dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu.
- (iv) Mengenal pasti jenis-jenis gaya pengajaran guru digabungjalinkan dengan unsur kecindan untuk merangsang afektif dan kognitif murid dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu.
- (v) Mengenal pasti jenis-jenis unsur kecindan yang memberi kesan kepada afektif dan kognitif murid dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu.



1.5 Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab lima persoalan seperti berikut:

- (i) Apakah kebolehan guru untuk mengaplikasikan unsur kecindan secara bersahaja dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu?
- (ii) Apakah strategi-strategi pengajaran guru yang digabungjalinkan dengan unsur kecindan untuk merangsang afektif dan kognitif murid dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu?
- (iii) Apakah media-media pengajaran guru yang digabungjalinkan dengan unsur kecindan untuk merangsang afektif dan kognitif murid dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu?
- (iv) Apakah jenis-jenis gaya pengajaran guru digabungjalinkan dengan unsur kecindan untuk merangsang afektif dan kognitif murid dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu?
- (v) Apakah jenis-jenis unsur kecindan yang memberi kesan kepada afektif dan kognitif murid dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu?



1.6 Kerangka Kajian

Dalam bahagian ini, pengkaji akan mengemukakan dua kerangka kajian. Kerangka kajian pertama ialah kerangka teori kajian manakala kerangka kajian yang kedua pula ialah kerangka konseptual kajian.

1.6.1 Kerangka Teori Kajian

Dalam bahagian ini, teori pembelajaran yang utama dan teori-teori kecindan yang mendasari kajian ini dapat diperhatikan dalam **Rajah 1.1**. Justifikasi pemilihan teori-teori yang mendasari kajian ini adalah berdasarkan rasional bahawa teori-teori ini adalah relevan dengan permasalahan kajian ini kerana kesemua teori ini mempunyai kaitan secara langsung yang memberi kesan kepada afektif dan kognitif murid.

Teori pembelajaran utama yang berkaitan dengan kecindan dalam kajian ini ialah Teori Pembelajaran Berasaskan Minda Caine dan Caine (1991). Menurut Nor Amira Mazlin dan Zanaton Iksan (2018), Teori Pembelajaran Berasaskan Minda dibangunkan oleh Caine dan Caine (1991), Jensen (1996) dan Sousa (1995) dan seterusnya diimplementasikan oleh Salmiza Saleh (2008) membentuk pendekatan Pengajaran Berasaskan Minda. Pembelajaran menurut perspektif psikologi pendidikan berdasarkan teori ini menghubungkan minda, badan dan perasaan.

Teori Pembelajaran Berasaskan Minda Caine dan Caine (1991) dibina dengan andaian bahawa tidak ada tingkah laku yang tidak dipengaruhi oleh emosi. Dalam




pembelajaran, emosi memainkan peranan penting kerana membantu kita memfokus kepada alasan dan lojik, perhitungan, dan perasaan. Walaupun tingkah laku tersebut amatlah kecil, namun tingkah laku tersebut tetap memerlukan beberapa maklumat sensor ataupun emosi yang disepadukan. Hal ini bermakna semua mesej mestilah dihubungkan ataupun diarahkan semula dengan salutan emosi sebelum dibina hubungan atau rangkaian dalam minda (Salmiza Saleh, 2018). Dengan kata lain, murid boleh dipengaruhi oleh faktor persekitaran seperti suasana ceria, gembira, terhibur, dan lain-lain yang menghasilkan perasaan atau emosi yang menyebabkannya membina interpretasi bagi menghasilkan pemahaman dalam minda.

Selain Teori Pembelajaran Berasaskan Minda Caine dan Caine (1991), pengkaji merujuk kepada tiga teori kecindan yang berkaitan dengan afektif dengan kajian ini, iaitu Teori Inkongruit Kant dan Schopenhauer (1819), Teori Kelegaan Spencer dan Freud (1928) dan Teori Superioriti Hobbes (1651).

Teori kecindan pertama yang akan dijelaskan oleh pengkaji ialah Teori Inkongruit Kant dan Schopenhauer (1819). Teori yang didasari oleh Freud (1928) ini menjelaskan bahawa perbuatan tertawa akan timbul kerana perubahan yang sekonyong-konyong daripada sesuatu situasi yang sangat diharapkan menjadi sesuatu situasi yang sama sekali tidak diduga atau tidak kena pada tempatnya. Tertawa terjadi kerana harapan yang disangkakan oleh seseorang tidak tercapai berbanding dengan hakikat yang sebenarnya. Teori Inkongruit Kant dan Schopenhauer (1819) juga dikenali sebagai Teori Ketidaksesuaian. Teori ini juga menyatakan bahawa rasa kecindan adalah bergantung kepada cara individu menerima kecindan dan cara proses



kognitif yang terlibat dalamnya. Oleh sebab itu, kecindan dikatakan berhasil apabila terdapat kesenjangan antara harapan dengan kenyataan.



Rajah 1.1. Kerangka Teori Kajian

Teori kecindan kedua yang akan dibincangkan oleh pengkaji ialah Teori Kelegaan Spencer dan Freud (1928) yang turut didasari oleh Freud. Teori ini menjelaskan bahawa kelegaan merupakan pembebasan atau pelepasan daripada kekurangan yang terdapat pada diri individu seseorang. Oleh sebab itu, teori ini juga



dikenali sebagai Teori Pelepasan atau Teori Pembebasan. Apabila kekurangan atau tekanan itu dapat dilepaskan, maka terledaklah perasaan seseorang dalam bentuk ketawa. Secara fisiologikal, jenaka menghasilkan ketawa yang mampu menghilangkan keresahan dan bebanan tekanan seseorang. Teori Kelegaan Spencer dan Freud (1928) ini merangsang perasaan seseorang untuk merasai sesuatu yang menggelikan sehingga membuat mereka ketawa, terhibur kerana sesuatu yang melucukan. Justeru, fungsi kecindan adalah untuk mengurangkan tekanan yang merupakan persepsi kesan daripada penggunaan jenaka.

Selain membuatkan seseorang tersenyum dan tertawa, terdapat juga teori kecindan yang dapat dijadikan sebagai sarana halus untuk menyindir, mengejek, menghantam dan melakukan pembalasan kepada pihak lain secara tidak langsung.

Oleh sebab itu, teori kecindan ketiga yang akan dibincangkan oleh pengkaji ialah Teori Superioriti (1651). Teori ini juga dikenali sebagai Teori Permusuhan, Teori Kehinaan atau Teori Keunggulan.

Teori Superioriti Hobbes (1651) menekankan bahawa inti kecindan ialah rasa lebih baik, lebih tinggi, atau lebih sempurna daripada seseorang dalam menghadapi sesuatu keadaan yang mengandungi kekurangan atau kelemahan. Menurut teori ini, seseorang akan tertawa apabila memperoleh perasaan unggul kerana pihak lain melakukan kekeliruan atau mengalami hal yang tidak menguntungkan. Oleh sebab itu, tidak hairanlah teori ini dapat digunakan untuk menerangkan sebab seseorang tertawa terbahak-bahak apabila melihatkan badut yang terbentur tiang, jatuh tersandung, melakukan beraneka kekeliruan atau perlakunya yang menunjukkan berbagai-bagai ketololan.





Namun demikian, perkaitan teori pembelajaran yang bersesuaian dengan amalan kecindan dalam proses pengajaran dan pembelajaran tidaklah begitu popular dibincangkan (Mohd Ziyad Afiq, 2016). Bagi mengisi kelomongan ini, Teori Pembelajaran Berasaskan Minda Caine dan Caine (1991) yang menghubungkan faktor biologikal otak dengan konteks pembelajaran di dalam bilik darjah diyakini dapat dikaitkan dengan amalan kecindan yang mampu merangsang emosi dan kognitif murid-murid untuk mencetuskan situasi pembelajaran yang berkesan.


Secara keseluruhan, pengkaji telah membincangkan tiga jenis teori kecindan dan satu teori pembelajaran dalam bahagian kerangka teori kajian ini. Teori-teori kecindan meliputi Teori Inkongruiti Kant dan Schopenhauer (1819), Teori Kelegaan Spencer dan Freud (1928) dan Teori Superioriti Hobbes (1651) manakala teori pembelajaran yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Pembelajaran Berasaskan Minda Caine dan Caine (1991).

1.6.2 Kerangka Konseptual Kajian

Berasaskan teori-teori kajian, maka satu kerangka konseptual kajian yang menerangkan secara ringkas tentang kajian ini telah dibina oleh pengkaji. Kerangka konseptual kajian ini terbahagi kepada dua komponen yang utama, iaitu pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Kedua-dua pemboleh ubah ini bertindak sebagai sumber panduan kepada pengkaji untuk meneliti elemen-elemen yang terlibat dalam kajian ini. Kerangka konseptual kajian ini boleh diperhatikan dalam **Rajah 1.2**.



Terdapat lima elemen pemboleh ubah bebas, iaitu kebolehan guru mengaplikasikan unsur kecindan, strategi pengajaran guru, media pengajaran guru, gaya pengajaran guru dan unsur-unsur kecindan sebagai perangsang afektif dan kognitif murid dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu. Pemboleh ubah bersandar pula menjurus kepada penggabungjalinan unsur kecindan sebagai perangsang afektif dan kognitif murid dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu.



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian



Secara keseluruhan, kerangka konseptual kajian ini membantu pengkaji untuk tujuan pemahaman dan penghuraian konsep-konsep yang penting. Selain itu, kerangka konseptual kajian ini juga dijadikan sebagai panduan dan hala tuju kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini.

1.7 Definisi Operasional

Pengkaji akan menumpukan dan menjelaskan beberapa konsep yang signifikan dalam bahagian ini. Konsep-konsep tersebut wajar difahami dengan lebih mendalam. Dalam bahagian ini, definisi terhadap frasa unsur kecindan, perangsang afektif murid, perangsang kognitif murid, pengajaran dan pembelajaran, Komponen Sastera bahasa Melayu, strategi pengajaran, media pengajaran, gaya pengajaran, kesenjangan, kata pikat, konotatif, denotatif, personifikasi, dan pengaktifan akan dijelaskan.

1.7.1 Unsur Kecindan

Unsur kecindan dalam kajian ini bukan sahaja merupakan sesuatu yang melucukan dan dapat menggelikan hati murid lalu mendorongnya untuk ketawa, justeru unsur kecindan dalam kajian ini turut dilihat dari sudut penggunaan kecindan yang mampu memberi implikasi positif kepada kognitif dan afektif seseorang yang mendengar dan melihatnya. Oleh itu, unsur kecindan dalam kajian ini melibatkan perkara-perkara yang boleh membuatkan seseorang murid terhibur sekali gus memberi kesan kepada kognitif dan afektif mereka.





Selain itu, unsur kecindan dalam kajian ini juga merujuk kepada unsur kecindan yang boleh terzahir melalui bahasa yang dituturkan atau terzahir daripada gerak-geri seseorang guru atau murid. Menurut Martin dan Ford (2018), pengungkapan kata-kata yang mencuitkan hati orang yang mendengarinya dan gerak geri yang melucukan akan membuatkan seseorang itu ingin ketawa. Oleh sebab itu, unsur kecindan dalam kajian ini tidak kurang juga adalah merujuk kepada kecindan yang boleh ditimbulkan oleh bahasa yang dituturkan atau terzahir daripada gerak-geri seseorang.

Rumusannya, unsur kecindan dalam kajian ini adalah melibatkan keadaan atau peristiwa yang membangkitkan rasa geli hati, lucu, kelakar, lawak dan mencuitkan hati murid yang mendengar dan melihatnya dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu. Dalam kajian ini, unsur kecindan dapat diwujudkan oleh kata-kata kerana bahasa mempunyai asas pada makna kata-kata yang boleh untuk dikaitkan dengan situasi dan peristiwa yang melatari penuturan kata-kata itu. Dalam kajian ini juga, intonasi juga mempunyai peranan yang penting untuk mewujudkan unsur kecindan.

1.7.2 Perangsang Afektif Murid

Rosnani Zain dan Nik Rafidah (2019) menyatakan bahawa emosi ialah refleksi daripada sesuatu situasi seperti sedih, marah, takut, gembira dan refleksi-refleksi yang lain. Selain itu, Norhazizi Lebai Long dan Ramlee Mustapha (2019) pula menyatakan bahawa emosi melibatkan apa-apa tindak balas yang memberi kesan kepada persepsi, sikap dan tingkah laku seseorang.



Dalam kajian ini, perangsang afektif murid merujuk kepada refleksi daripada emosi dan perasaan manifestasi daripada kecindan yang memberi kesan signifikan kepada seseorang murid dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, afektif murid dalam kajian ini berkait rapat dengan emosi dan perasaan.

Emosi murid dalam kajian ini adalah merujuk kepada refleksi keadaan atau fikiran seseorang murid yang terangsang melalui kecindan lalu menyebabkan berlakunya perubahan psikologi seperti gembira dan saspens dalam pembelajarannya.

Melihat dari sudut perasaan pula, Sousa (2019) dan Adriana Yohana Bria (2019) menjelaskan bahawa perasaan ialah pengungkapan dalam bentuk ekspresi yang sewajarnya hasil daripada penghayatan yang dirasai oleh seseorang. Oleh sebab itu, perasaan dalam kajian ini adalah mengikuti kemunculan emosi berdasarkan respons bawah sedar yang bertindak balas dengan emosi yang dialami oleh seseorang. Berdasarkan pernyataan ini, perasaan murid dalam kajian ini dilihat sebagai bentuk ekspresi menyeronokkan seperti rasa geli hati, lucu, kelakar, lawak dan mencuitkan hati melalui suasana yang santai dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu.

Rumusannya, perbezaan aspek emosi dan aspek perasaan dari perspektif afektif murid dalam kajian pengkaji ini ialah emosi merupakan suatu perihal yang akan menimbulkan kesan kepada keadaan atau fikiran seseorang murid. Meninjau daripada perspektif perasaan pula, perasaan ialah bentuk ekspresi rasa yang diwujudkan dalam bentuk pembelajaran yang santai. Tuntasnya, ekspresi emosi dan perasaan yang



menarik ini dapat membentuk suatu sikap yang positif dalam pembelajaran murid untuk membolehkan pembelajaran murid menjadi lebih mudah dan berkesan, khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu.

1.7.3 Perangsang Kognitif Murid

Dalam kajian ini, kognitif murid dilihat sebagai suatu perihal kognisi murid untuk mentafsir, mempelajari dan memahami sesuatu maklumat. Hal ini diperkuuh apabila Srikandi Saemah dan Mary Fatimah Subet (2020) turut menjelaskan bahawa kognitif merujuk kepada proses kognisi seseorang untuk memperoleh, memproses dan menilai sesuatu informasi yang relevan.



Berdasarkan pernyataan di atas, perangsang kognitif murid dalam kajian ini amatlah berkaitan dengan minda kerana melibatkan proses mental murid untuk mentafsir, memahami dan mempelajari sesuatu maklumat hasil daripada rangsangan kecindan. Oleh hal yang demikian, kognitif murid dalam kajian ini secara khususnya adalah berkait rapat dengan kognisi pada pemikiran murid untuk memproses, mengkaji dan mendalami elemen-elemen genre Komponen Sastera bahasa Melayu.

1.7.4 Pengajaran dan Pembelajaran

Menurut Farhana Bakar dan Vijay Kumar (2019), pengajaran merujuk kepada sesuatu yang dirancang oleh guru dan diusahakan oleh guru bersama-sama muridnya secara





sistematik dengan menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai bagi memungkinkan wujudnya ruang pembelajaran murid. Dalam kajian ini pula, pengajaran ialah sesuatu tugas dan aktiviti yang diusahakan bersama-sama oleh guru dan murid dengan tersisipnya unsur kecindan dalam proses pembelajaran di dalam bilik darjah.

Dalam hal ini, pengajaran yang dimaksudkan ialah pengajaran kecindan. Pengajaran ini yang dirancangkan oleh guru secara sistematik dan teliti untuk dilaksanakan dengan strategi pengajaran kecindan yang sesuai untuk mencuitkan hati dan menyeronokkan murid agar murid mengambil inisiatif untuk belajar demi menghayati isi pelajaran Komponen Sastera dan menguasai kemahiran yang diperlukan. Secara praktisnya, pengajaran kecindan dalam konteks kajian ini merupakan suatu yang preskriptif kerana memerlukan seseorang guru untuk mengaplikasikan unsur kecindan kepada murid-muridnya dalam proses penyampaian pengajaran Komponen Sastera bahasa Melayu.

Meninjau daripada sudut pembelajaran pula, Farhana Bakar dan Vijay Kumar (2019) menyatakan bahawa pembelajaran ialah proses interaksi antara murid dengan guru agar berlakunya proses pemerolehan ilmu dan pengetahuan atau penguasaan kemahiran atau pembentukan sikap dan kepercayaan kepada murid. Pembelajaran yang dimaksudkan ialah pembelajaran kecindan yang merangkumi perubahan terhadap minat, tingkah laku dan nilai-nilai murni dalam kalangan murid. Pembelajaran dalam konteks kajian pengkaji ini dilihat sebagai suatu perubahan dalaman yang berlaku kepada murid dengan membentuk perkaitan dan tingkah laku yang baharu dengan adanya rangsangan kecindan dalam pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu.





Oleh hal yang demikian, pembelajaran dalam kajian ini dilihat sebagai suatu proses penghayatan estetik Komponen Sastera yang mampu menghasilkan tindak balas terangsang yang dizahirkan dalam bentuk kelucuan, gelak, ketawa dan terhibur. Oleh sebab itu, pembelajaran dalam konteks kajian pengkaji ini dikatakan berlaku apabila terdapat perubahan perlakuan, pemikiran, persepsi dan afektif serta kognitif murid yang terangsang oleh unsur kecindan untuk menikmati hasil karya yang indah, pelahiran perasaan dan penghayatan yang menyeronokkan.

Rumusannya, pengajaran dan pembelajaran dalam kajian ini adalah merujuk kepada pelaksanaan unsur kecindan yang melibatkan kesediaan dan kemahiran guru untuk memadankan kaedah mengajar secara humor dengan objektif pembelajaran murid-murid mereka.



1.7.5 Komponen Sastera Bahasa Melayu

Menurut Srikandi Saemah Samaon dan Mary Fatimah Subet (2020), Komponen Sastera bahasa Melayu telah diperkenalkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia sejak tahun 2000 melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Kurikulum Bil 5/ 2000 bertarikh 23 Februari 2000. Pelaksanaannya dilakukan secara berperingkat bermula Mac 2000 bagi tingkatan 1 dan 4. Hal ini bermakna Komponen Sastera bahasa Melayu dilihat sebagai elemen sastera yang wajib diajar dalam mata pelajaran bahasa Melayu secara formal di semua peringkat sekolah menengah.





Nurhamizah Hashim, Nur Yuhanis, Hashim Ismail, Eizah Mat Hussain dan Nurul Syahidah Tahir (2018) menjelaskan bahawa murid perlu meneliti puisi tradisional, prosa tradisional, puisi moden, cerpen dan drama dalam antologi yang ditetapkan. Novel yang digunakan pula berbeza mengikut zon. Zon 1 ialah Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak manakala Selangor, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Putrajaya termasuk dalam zon 2. Seterusnya, Melaka, Pahang, Terengganu dan Kelantan ialah zon 3 sementara Johor, Sabah, Sarawak dan Labuan pula ialah zon 4.

Ringkasnya, Komponen Sastera bahasa Melayu yang dijadikan fokus kajian ini adalah merujuk kepada genre puisi tradisional, puisi moden, prosa klasik, cerpen dan drama tingkatan empat di zon 4, iaitu Sarawak yang terkandung dalam antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul, manakala novel yang dikaji di zon 4, iaitu Sarawak ialah novel Di Sebalik Dinara. Karya Komponen Sastera bahasa Melayu tingkatan 4 di zon 4, iaitu Sarawak boleh diperhatikan dalam **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1

Karya Komponen Sastera Bahasa Melayu di Zon 4, Sarawak

Genre	Tingkatan 4
Novel	Di Sebalik Dinara
Cerpen	Kaduk, Ayam dan Raja Munsyi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul
Drama	Berkhidmat untuk negara
Puisi Moden	Sang Gembala Kuda Aku Membaca Lagi www.sibermerdeka.com.my Gelanggang
Puisi Tradisional	Syair Bidasari Gurindam Dua Belas (Fasa yang ketiga)
Prosa Tradisional	Kepimpinan Melalui Teladan





1.7.6 Strategi Pengajaran

Juwairiah Osman, Jamilah Bebe Mohamed, Anis Nabilla Ahamd, dan Jamal Rizal Razali (2018) juga menjelaskan bahawa strategi pengajaran merupakan cara atau langkah yang diambil bagi menggunakan dan mengeksplorasikan maklumat yang sedia ada untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih mudah.

Dalam kajian ini, strategi pengajaran merujuk kepada kebijaksanaan seseorang guru memilih, merancang, dan menguruskan kaedah serta teknik pengajaran yang digabung jalin dengan kecindan untuk menghasilkan kesan afektif dan kognitif yang optimum dalam pengajarannya.

Strategi pengajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu yang digabung jalin dengan unsur kecindan dalam kajian ini merupakan suatu strategi daripada guru untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang menyenangkan melalui penggunaan unsur humor.


Ringkasnya, strategi pengajaran dalam kajian ini dilihat sebagai kaedah dan teknik yang digunakan oleh para guru untuk memastikan murid memahami input yang disampaikan. Input yang ingin disampaikan dalam hal ini merupakan input yang disisipkan dengan kesan humor yang boleh menjadikan pengajaran dan pembelajaran seseorang guru menjadi lebih menyeronokkan.



1.7.7 Media Pengajaran

Shamsul Rizal Khalil, Abdul Rahim Razalli dan Mohd Zailani Ismail (2019) telah menjelaskan bahawa media pengajaran berupa saluran penyampaian maklumat daripada pengajar kepada murid yang termasuk buku, perisian atau bahan bantuan pengajaran yang lain. Walau bagaimanapun, media pengajaran dalam kajian ini bukan sahaja merujuk kepada penggunaan medium pengajaran yang menjadi wahana saluran perantaraan penyampaian maklumat pengajaran, malahan juga meliputi media yang digabung jalin dengan unsur kecindan untuk membolehkan seseorang guru bertindak sebagai sumber untuk menyampaikan pengajarannya secara berjenaka kepada murid.

Dalam hal ini, media pengajaran kecindan merujuk kepada apa-apa integrasi antara elemen media teks, media pandang dengar dan orang (guru atau murid) yang mencetuskan lelucon. Selain itu, media pengajaran kecindan ini juga adalah untuk memudahkan pembelajaran murid dengan menyediakan persekitaran yang kaya dengan rangsangan yang melucukan mereka. Secara keseluruhan, elemen-elemen media pengajaran kecindan dalam kajian ini dapat dilihat melalui **Rajah 1.3**.



Rajah 1.3. Elemen-elemen Media Pengajaran Kecindan



1.7.8 Gaya Pengajaran

Norul Haida Reduwan et al. (2016) menjelaskan bahawa gaya pengajaran merupakan pendekatan pengajaran yang dimiliki oleh seseorang guru untuk mengajar murid. Dengan mengetahui pendekatan pengajaran, guru dapat memilih pendekatan yang sesuai dengan dirinya. Walau bagaimanapun, gaya pengajaran dalam kajian ini merujuk kepada cara, sikap, dan kesukaan seseorang guru untuk menyampaikan pengajaran secara kecindan kepada murid sama ada melalui gaya pengajaran secara auditori, gaya pengajaran secara visual atau gaya pengajaran secara kinestetik.

Guru yang memiliki gaya pengajaran kecindan secara auditori lebih gemar mengeluarkan kesan audio yang melibatkan deria pendengaran. Seterusnya, guru yang memiliki gaya pengajaran kecindan secara visual gemar memberi gambaran terhadap sesuatu maklumat tanpa penerangan lisan yang banyak manakala guru yang memiliki gaya pengajaran secara kinestetik pula gemar melibatkan pergerakan secara aktif anggota badannya untuk mendatangkan kesan kecindan kepada murid.

1.7.9 Kesenjangan

Dalam kajian ini, kesenjangan dilihat sebagai situasi yang terjadi apabila sesuatu perkara disangka dan diduga akan terjadi namun pada akhirnya tidak kesampaian. Hal ini diperkuuh apabila Srikandi Saemah Samaon dan Mary Fatimah Subet (2020) juga menyatakan bahawa kesenjangan merupakan satu situasi kejanggalan yang tidak kena pada tempatnya lalu menyebabkan orang berasa geli hati.





Ringkasnya, kesenjangan dalam kajian ini adalah merujuk kepada situasi yang mengubah sangkaan dan dugaan seseorang. Situasi ini boleh wujud apabila terjadinya sesuatu yang disangka akan berlaku namun timbulnya perihal yang tidak padan dan tidak kena pada tempatnya.

1.7.10 Kata Pikat

Menurut Anindita Dewangga Puri (2020), kata pikat ialah sebahagian daripada penyediaan *set up* lelucon dalam kecindan yang boleh menyebabkan seseorang ketawa apabila mendengarinya. Penyediaan *set up* lelucon akan memberi harapan kepada pendengar untuk mengharapkan sesuatu melalui kisah yang diperdengarkan.



Kata pikat dalam kajian ini merupakan kata berupa perkataan atau frasa dalam bentuk ujaran kalimat yang pendek. Kata pikat ini menjadikan seseorang murid tertawan atau tertarik hati apabila mendengarinya. Seterusnya, kata pikat yang pendek akan menyebabkan murid berasa ketawa apabila apa-apa yang diharapkan oleh mereka pada mulanya tidak kesampaian pada akhirnya.

Secara keseluruhan, kata pikat dalam kajian ini ialah bahagian lucu dalam penyediaan *set up* lelucon yang membuatkan si pendengar tertawa. Kata pikat ini tidaklah panjang kalimatnya kerana hanya terdiri daripada ujaran kalimat yang pendek sahaja.





1.7.11 Konotatif

Konotatif dalam kajian ini merujuk kepada makna kata yang berlainan daripada makna asal. Oleh hal yang demikian, konotatif ialah makna tersirat kerana analisis makna konotatif mengambil kira faktor-faktor bukan linguistik. Oleh itu, konotatif dalam kajian ini ialah suatu bidang linguistik yang dapat menjelaskan sesuatu makna kata apabila sesuatu kata tersebut mempunyai makna kabur yang hanya dapat dijelaskan dengan melihat faktor-faktor bukan linguistik.

Perkara ini diperkuuh apabila Muhammad Syaqroni Sahimi (2019) juga menjelaskan bahawa makna konotatif merupakan makna lain daripada asalnya yang memerlukan pembaca atau pendengar memberi tafsiran terhadap maksud yang benar-

benar ingin disampaikan kepada mereka. Hishamudin Isam et al. (2020) juga menyatakan bahawa analisis yang dijalankan pada peringkat makna denotatif sahaja semata-mata tidak dapat memberi jawapan yang sahih kerana analisis sesuatu makna itu harus dilihat dari pelbagai aspek seperti hubungan sosial antara penutur dan pendengar, pengguna dan keadaan penggunaannya (konteks) bahasa tersebut, iaitu faktor-faktor bukan linguistik.

Rumusannya, makna konotatif dalam kajian ini adalah berkaitan dengan tafsiran makna dalam situasi atau konteks sosial secara eksternal yang terikat dengan faktor-faktor bukan linguistik. Tafsiran makna konotatif ini adalah berlainan daripada makna denotatif.





1.7.12 Denotatif

Denotatif dalam kajian ini merujuk kepada makna sebenar sesuatu kata atau ujaran.

Oleh sebab itu, denotatif ialah makna tersurat kerana analisis makna hanya merujuk kepada makna perkataan dan perhubungan pembentukan ayat oleh perkataan-perkataan dalam sesebuah ayat sahaja. Dalam kajian ini, makna yang dikaji bukan sahaja meliputi makna sesuatu perkataan, frasa atau ayat justeru termasuklah makna sesuatu ujaran lisan daripada si penutur.

Hal ini diperkuuh apabila Muhammad Syaqroni Sahimi (2019) mendefinisikan makna denotatif sebagai makna yang pada dasarnya sama dengan makna rujukan. Oleh hal yang demikian, makna denotatif juga dikenali sebagai

makna yang sebenar, makna asal dan makna mutlak.

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi

Rumusannya, makna denotatif dalam kajian ini adalah hanya merujuk kepada tafsiran makna secara tersurat atau secara literal sahaja. Perkara ini terjadi kerana makna denotatif ialah makna asli atau makna sebenarnya yang dimiliki oleh sesuatu kata tersebut.

1.7.13 Personifikasi

Menurut Siti Norashikin Mohd Khalidi, Nor Azuwan Yaakob dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2017), personifikasi merupakan gaya bahasa figuratif yang memberikan sifat dan tindak-tanduk manusia kepada benda atau perkara yang tidak bernyawa. Dalam



hal ini, bahasa figuratif merupakan bahasa yang mengandungi makna siratan, iaitu menyamakan sesuatu perkara dengan perkara yang lain secara tidak langsung, terselindung atau tersembunyi.

Dalam konteks kajian ini, personifikasi merupakan gaya bahasa figuratif yang dikaitkan dengan kecindan untuk melambangkan benda-benda seperti kereta yang memiliki sifat-sifat, tindak-tanduk atau perilaku seperti manusia. Gaya bahasa personifikasi dalam kajian ini juga merujuk kepada makna siratan yang dibuat analogi kecindan untuk membawa si pembaca dan si pembaca untuk sama-sama merasai emosi, perasaan atau situasi yang tercetus melalui pengajaran guru.

Rumusannya, gaya bahasa personifikasi dalam kajian ini merupakan pemberian sifat kemanusiaan kepada sesuatu objek atau benda tidak bernyawa secara kecindan. Bukan itu sahaja, bahasa figuratif yang mengandungi makna siratan dalam konteks kajian ini membuatkan kita terfikir tentang rujukannya. Pemikiran inilah yang memberikan makna sebenar melalui pemprosesan kognitif kepada seseorang yang mendengar atau membaca contoh yang terzahir daripada gaya bahasa ini.

1.7.14 Pengaktifan

Menurut Salmiza Saleh (2018), pengaktifan merujuk kepada pengetahuan atau konsepsi sedia ada murid diaktifkan bagi merangsang pembelajaran sesuatu konsep yang baharu. Hal ini bermaksud konsepsi yang sedia ada pada murid akan sentiasa



mempengaruhi proses pembelajaran murid dengan menyingkirkan perkara-perkara yang tidak berkaitan.

Dalam kajian ini, pengaktifan merujuk kepada pengetahuan yang sedia ada dan pengalaman-pengalaman yang bermakna dalam kalangan murid dirangsang dan diaktifkan di dalam bilik darjah dalam keadaan yang berkecindan. Oleh itu, input pembelajaran, pengalaman-pengalaman dan pengetahuan yang telah tersimpan dalam ingatan menjadi rangsangan untuk diaktifkan dalam pembelajaran murid. Dalam hal ini, pengaktifan ini akan mengakibatkan berlakunya proses interaksi, penggabungan dan kaitan antara pengalaman-pengalaman, idea-idea atau skema bagi menterjemah dan memberi makna penyelesaian yang diperoleh murid secara santai dan menyeronokkan.



Rumusannya, pengaktifan membolehkan pengetahuan murid yang bermakna dibina hasil daripada penggabungan maklumat yang baharu, pengetahuan, dan pengalaman-pengalaman yang lepas. Hal ini juga membolehkan murid mempunyai pengetahuan sedia ada dan pengalaman-pengalaman yang bermakna bagi menjelaskan perkara yang ditemui di dalam bilik darjah.

1.8 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini mempunyai kepentingan dari segi sumbangan penghasilan kerangka panduan tentang kerangka strategi pengajaran kecindan yang mempengaruhi afektif dan kognitif murid dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa





Melayu. Kerangka panduan model ini bukan sahaja dapat dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji yang akan datang untuk merangka kerangka kajian mereka dengan mengaplikasikan pemboleh-pemboleh ubah yang berbeza untuk menjadikan hasil kajian mereka lebih meluas, malah juga dapat dijadikan sebagai kerangka panduan peningkatan profesionalisme dalam kalangan guru di sekolah-sekolah menengah atas untuk menggabung jalin unsur kecindan dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu.

Kajian ini juga mempunyai kepentingan dari segi pengisian kelompongan bagi menambah baik kajian-kajian yang lepas. Hal ini demikian kerana kebanyakan kajian lepas lebih menekankan kajian kecindan dalam subjek-subjek selain bahasa Melayu. Lebih-lebih lagi, transisi peralihan daripada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah bagi murid-murid menengah atas, iaitu tingkatan empat akan ditukar ganti oleh Kurikulum Standard Sekolah Menengah secara berperingkat mulai tahun 2020 (Surat Pekelingking Ikhtisas KPM Bil 9, 2016). Oleh sebab itu, unsur didik hibur yang terkandung unsur kecindan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah di Malaysia yang masih diteruskan pelaksanaannya harus diberi perhatian yang sewajarnya.

Kajian ini turut diharapkan dapat memberi sumbangan kecindan dalam sistem pendidikan, sumbangan dalam bidang ilmu kurikulum pendidikan bahasa Melayu, dan sumbangan dari segi implikasi kajian kepada Teori Pembelajaran Berasaskan Minda dalam pengajaran guru. Kepentingan ini amatlah signifikan dengan tuntutan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan dasar kerajaan dalam Program





Transformasi Sekolah 2025 (TS25) yang menjurus ke arah persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan.

Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat mengisi kekurangan tentang gaya pengajaran kecindan seseorang guru yang kurang diberi perhatian dalam kajian-kajian yang lepas. Hakikatnya, strategi pengajaran yang khusus dan terbaik perlu sentiasa ditambah baik dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Oleh sebab itu, kajian ini adalah penting untuk memperlihatkan satu penemuan baharu tentang penggabungjalinan gaya pengajaran guru dengan unsur kecindan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu. Hal ini diperkuuh lagi apabila Janet Zanida (2016) turut berpendapat bahawa kepelbagaiannya akan menuntut kreativiti guru untuk membantu murid untuk belajar dengan cara dan gaya

yang sesuai serta memenuhi minat dan kemampuan murid.

PustakaTBainun

ptbupsi

Di samping itu, kajian ini turut penting kepada pengubal kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) mahupun guru-guru di sekolah dalam usaha memberikan maklumat untuk merancang dan merangka kursus atau latihan yang berkaitan dengan aspek pengajaran kecindan dan strategi pengajaran kecindan ke arah mencapai kurikulum standard. Guru-guru terutamanya guru bahasa Melayu akan diberi pendedahan tentang pengetahuan kecindan yang sepatutnya dimiliki oleh guru-guru bahasa Melayu dalam abad pembelajaran ke-21 melalui pendedahan ini bagi menjayakan matlamat penggabungjalinan unsur kecindan yang terkandung dalam kurikulum standard yang baharu, iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah.



Sementelahan pula, para guru boleh merangka pendekatan yang sesuai untuk meningkatkan kemahiran penyampaian elemen unsur kecindan kepada murid setelah mengenal pasti kelebihan unsur kecindan dalam pengajaran mereka. Kementerian Pendidikan Malaysia pula boleh merancang strategi untuk memasukkan elemen kecindan ke dalam modul pengajaran untuk para pendidik kerana banyak kajian lepas telah membuktikan bahawa penggunaan kecindan memberi pelbagai kesan positif terhadap suasana pembelajaran, motivasi murid, mutu pengajaran dan rangsangan emosi murid serta pencapaian murid dalam pembelajaran. Lebih-lebih lagi, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah tingkatan empat akan diganti oleh Kurikulum Standard Sekolah Menengah mulai tahun 2020 yang masih meneruskan penerapan unsur kecindan dalam pembelajaran yang menyeronokkan menerusi didik hibur.



05-4506832



Selain itu, kajian ini juga dapat menjelaskan aspek-aspek kebolehan seseorang



ptbupsi

guru mengaplikasikan unsur kecindan secara bersahaja dan strategi pengajaran unsur kecindan serta gaya pengajaran unsur kecindan guru-guru bahasa Melayu melalui penggabungjalinan unsur kecindan dalam pengajaran dan pembelajaran yang berjenaka untuk merangsang murid mengikuti pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu. Jika hasil kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan unsur kecindan adalah memberangsangkan, perkara ini adalah selari dengan aspirasi standard Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (2017).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Pejabat Pendidikan Daerah perlulah mengambil langkah-langkah susulan untuk memastikan kaedah didik hibur yang terkandung unsur kecindan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah dibugarkan semula demi kepentingan semua pihak.

Di samping itu, hasil kajian ini akan dapat menjelaskan media pengajaran guru yang digabung jalin dengan unsur kecindan oleh guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, kajian ini dapat membantu guru-guru untuk merancang penggunaan bahan bantu mengajar yang lebih baik dan berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu. Penggunaan alat bantu mengajar yang berkesan bukan sahaja dapat menyeronokkan murid, malahan juga dapat memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran tetap tercapai. Perkara ini membolehkan guru merancang pengajaran dan pembelajaran dengan bantuan alat bantu mengajar yang berunsur kecindan agar kandungan mata pelajaran Komponen Sastera dapat disampaikan dengan berkesan, terarah, terancang dan lebih berfokus lagi.

Unsur-unsur kecindan yang dikaji dalam kajian ini tidak kurang juga membolehkan para guru mengetahui cara mengurangkan tekanan dalam kalangan murid. Apabila unsur kecindan diselitkan dalam pengajaran dan pembelajaran, amalan kecindan ini akan dapat mengurangkan tekanan yang dirasai oleh murid ketika mereka cuba memahami isi pelajaran Komponen Sastera ataupun sewaktu mereka sedang melakukan sesuatu tugas yang mencabar minda mereka.

Unsur kecindan juga akan dapat meningkatkan hubungan antara murid dengan murid dan hubungan antara mereka dengan guru dengan adanya sekumpulan murid



dan guru yang ketawa atau berkongsi lawak. Secara tidak langsung, keadaan ini akan menjadikan iklim pembelajaran yang menyeronokkan dapat diwujudkan dengan lebih mudah kerana setiap orang saling mengenali satu sama lain dengan rapat untuk membuat tugas yang diberikan guru. Hal ini sekali gus dapat mengurangkan konflik dan memudahkan keputusan yang harus diambil bersama.

Komunikasi antara murid dengan guru juga akan menjadi lebih baik kerana perasaan kecil hati dapat dihindari sehingga mewujudkan keseronokan dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera di dalam bilik darjah. Jelaslah bahawa kajian ini bukan sahaja memberi kepentingan kepada guru untuk memahami unsur-unsur kecindan, malah turut merupakan salah satu langkah yang boleh diambil oleh mereka untuk menarik minat murid agar suasana yang kondusif dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera dapat dilahirkan. Oleh sebab itu, guru boleh memperkasa diri dengan menerapkan unsur kecindan sebagai salah satu strategi yang dapat mencuit hati dan menarik perhatian murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera mereka di dalam bilik darjah.

Oleh itu, kajian ini diharapkan mampu menyedarkan para guru bahawa mereka digalakkan untuk menerapkan elemen unsur kecindan dengan menggunakan pelbagai pendekatan semasa merancang strategi pengajarannya agar dapat memenuhi pelbagai gaya pembelajaran yang terdapat pada setiap murid. Oleh hal yang demikian, kajian ini diharapkan dapat memberi nafas baharu kepada para guru untuk meningkatkan keberkesanan murid-murid mempelajari Komponen Sastera bahasa Melayu.



1.9 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, dialek memberi kesan kepada kecindan. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak mampu untuk mengkaji aspek budaya yang mempengaruhi wujudnya perbezaan dialek yang besar secara lebih khusus. Oleh sebab itu, pengkaji membataskan pengaruh budaya yang mempengaruhi wujudnya perbezaan penggunaan dalam dialek Bahasa Melayu Sarawak sahaja.

Pengkaji membataskan skop dan lokasi sekolah dalam kajian ini dengan berfokus kepada unsur kecindan sebagai perangsang afektif murid dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu di dua buah sekolah menengah atas di daerah Bintulu, Sarawak. Justifikasi pemilihan kedua-dua sekolah ini adalah berdasarkan rasional bahawa kedua-dua buah sekolah ini memperoleh Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP) bahasa Melayu yang tinggi mengikut ranking pada tahun 2018 dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia di seluruh daerah Bintulu, Sarawak.

Selain itu, batasan kajian ini merangkumi skop untuk menentukan kebolehan guru-guru untuk mengaplikasikan unsur kecindan. Selain itu, batasan skop kajian juga termasuk strategi pengajaran guru, media pengajaran guru dan gaya pengajaran guru yang digabung jalin dengan unsur kecindan dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu. Akhir sekali, skop kajian ini turut termasuk skop untuk mengenal pasti jenis-jenis unsur kecindan sebagai perangsang afektif dan kognitif murid dalam pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu.

Sampel bertujuan guru dalam kajian ini dibataskan terhadap 15 orang guru bahasa Melayu yang terpilih daripada dua buah sekolah menengah atas yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu. Selain itu, kajian yang dijalankan ini tidak merangkumi pandangan guru-guru mata pelajaran yang lain selain guru mata pelajaran bahasa Melayu sahaja. Rasionalnya ialah guru-guru yang tidak mengajar mata pelajaran bahasa Melayu tidak bersama dengan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera dijalankan di dalam bilik darjah. Oleh sebab itu, dapatan dalam kajian ini tidak dapat dijadikan sebagai rumusan kepada guru-guru yang mengajar Komponen Sastera bahasa Melayu di seluruh sekolah negara kita.

Di samping itu, pemilihan sampel bertujuan dalam kalangan murid pula adalah sebanyak 10 orang murid. Murid yang terpilih ini adakah terdiri daripada murid Tingkatan 4 aliran Sains daripada dua buah sekolah menengah atas di bahagian Bintulu, Sarawak yang tidak terlibat dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun semasa.

Oleh sebab sampel yang dipilih dalam kajian kualitatif adalah dalam jumlah yang kecil dan dipilih secara tidak rawak yang tidak diambil daripada populasinya, maka hasil yang diperoleh bukan sahaja tidak representatif daripada populasinya malah juga tidak boleh digeneralisasikan kepada dapatan kajian di lokasi-lokasi yang lain. Berdasarkan hakikat ini, dapatan dalam kajian ini juga tidak dapat digeneralisasikan kepada semua murid di seluruh sekolah negara kita.



1.10 Rumusan

Bab ini telah menerangkan secara keseluruhan tentang latar belakang kecindan yang melibatkan afektif murid dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Komponen Sastera bahasa Melayu. Pernyataan masalah yang meliputi kelompongan isu afektif, khususnya penggunaan kecindan untuk merangsang emosi dan perasaan murid dalam pengajaran dan pembelajaran telah mendorong kajian ini dijalankan. Seterusnya, objektif dan persoalan kajian yang menyingkap tentang pemboleh-pemboleh ubah seperti kebolehan guru berkecindan, strategi pengajaran kecindan, media pengajaran kecindan dan gaya pengajaran kecindan serta unsur-unsur kecindan turut telah dibincangkan dalam kajian ini. Dua kerangka kajian juga telah dikemukakan, iaitu kerangka teori dan kerangka konseptual kajian. Tambahan pula, bab ini juga telah membincangkan kepentingan kajian, iaitu sasaran hasil kajian yang diharapkan dapat dijadikan rujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, pengkaji yang akan datang mahupun guru-guru di sekolah. Selain itu, definisi operasional telah dijelaskan definisi unsur kecindan, afektif murid, kognitif murid, pengajaran dan pembelajaran, Komponen Sastera bahasa Melayu, media pengajaran kecindan, kesenjangan, kata pikat, konotatif, denotatif, personifikasi, dan pengaktifan. Akhir sekali, bab ini turut telah membincangkan batasan kajian yang merangkumi batasan lokasi kajian di dua buah sekolah menengah atas manakala skop kajian pula adalah melibatkan 15 orang sampel guru dan 10 orang sampel murid menengah atas.

